

BEM TRAINING & EDUCATION ROADSHOW 2019

on

SAFETY AWARENESS

15 OKTOBER 2019 (SELASA)

HOTEL ROYALE CHULAN

KUALA LUMPUR

TEKS UCAPAN

YB. TUAN BARU BIAN

MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

Selamat pagi dan salam sejahtera.

1. Bersyukur kepada tuhan kerana dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini di dalam majlis *BEM Training & Education Roadshow 2019*. Saya merasa berbesar hati untuk bersama tuan-tuan dan puan-puan yang terdiri dari pelbagai profesion kejuruteraan yang merupakan penggerak utama pembangunan negara.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Haji Osman, Presiden Lembaga Jurutera Malaysia di atas undangan beliau untuk saya turut serta bersama tuan-tuan dan puan-puan sekalian di dalam majlis ini.

Pergi ke hilir membeli berangan

Berangan dimakan bersama nasi

Terima kasih di atas undangan

Majlis Bersama Menteri biar berseri

3. Syabas saya ucapkan kepada Lembaga Jurutera Malaysia kerana telah berjaya mengadakan siri program jeryawara *BEM Training & Education Roadshow 2019* dengan bertemakan kesedaran keselamatan atau "safety awareness" dengan jayanya di enam lokasi termasuk Kuala Lumpur pada hari ini.

4. Dari perspektif kebangsaan, saya juga harus merakamkan penghargaan saya kepada profesion dan komuniti kejuruteraan di atas sumbangan besar kepada pembinaan negara, sejak pentadbiran kolonial British meninggalkan Malaysia. Sumbangan besar jurutera meliputi seluruh negara; merangkumi

rangkaian jalan, pelabuhan, lapangan terbang, bekalan air dan elektrik yang luas, kepada telekomunikasi dan banyak perkhidmatan berteknologi tinggi yang amat penting untuk pembangunan sesebuah negara.

Peranan Lembaga Jurutera Malaysia Di Bawah KKR

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Untuk pengetahuan semua, Lembaga Jurutera Malaysia adalah merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang bernaung dibawah Menteri Kerja Raya Malaysia. Pindaan kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 pada tahun 2015 adalah merupakan sebahagian usaha dan sokongan Kementerian Kerja Raya terhadap keputusan kerajaan untuk meliberisasikan sektor perkhidmatan di mana perkhidmatan kejuruteraan, arkitek dan ukur bahan adalah sebahagian daripadanya.

6. Pindaan akta ini juga adalah komitmen kerajaan dalam memastikan kepentingan, keselamatan dan kebajikan orang awam dilindungi dengan peluasan pendaftaran profesion kejuruteraan baru termasuk Teknologis Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak.

Peranan Lembaga Jurutera Malaysia dalam Pembangunan dan Keselamatan

7. Dalam konteks ini, BEM Road Show secara langsung memberikan peringatan dan kesedaran kepada semua orang berdaftar dalam profesion kejuruteraan akan tanggungjawab berat dan akauntabiliti yang diamanahkan kepada mereka. Seajar dengan perkembangan ekonomi yang pesat dan pemangkin aktiviti pembinaan negara, adalah penting bahawa semua

kemudahan infrastruktur dan bangunan yang dibina mematuhi sepenuhnya piawaian dan garis panduan yang ditetapkan, kerana ia direka untuk bertahan lama serta mengambil kira aspek keselamatan pengguna terutamanya orang awam.

8. Penekanan oleh Presiden Lembaga Jurutera Malaysia dalam ucapan beliau sebentar tadi, mengenai keperluan untuk mengawal selia profesion kejuruteraan secara keseluruhannya bukan sahaja tertumpu kepada bakat teknikal, tetapi juga modal insan dengan kualiti yang betul, kecekapan dan kelakuan etika, di samping memenuhi tuntutan khidmat kejuruteraan pekerjaan tanpa menjejaskan aspek keselamatan.

Hadirin sekalian,

9. Kementerian Kerja Raya dan seluruh agensi di bawahnya komited sepenuhnya kepada pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 atau WKB 2030 dan juga Bajet 2020 Belanjawan Malaysia yang baru dibentang oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Oktober 2019 di Parlimen Malaysia.

10. Di sinilah kita memerlukan pengamal kejuruteraan untuk memanfaatkan peluang tersebut dan menggunakan sumber sedia ada serta semulajadi demi mendorong pembangunan Negara. Cabaran di hadapan akan menjadi lebih kompleks dan berdaya saing. Oleh itu, kita mesti terus fokus dalam agenda pembangunan negara. Kita kini beroperasi di dunia yang sangat dinamik dan tidak menentu terutamanya di zaman IR 4.0. Untuk terus berdaya saing, kita harus memperluaskan asas ekonomi kita, meningkatkan pengetahuan kita, menaikkan kemahiran kita, dan menjadi lebih cekap, produktif dan inovatif.

11. Saya dengan sukacitanya mengingatkan bahawa Lembaga Jurutera Malaysia telah mengambil langkah positif dengan memperkukuhkan Pelan Strategik LJM 2020-2024 ke arah bukan sahaja sebagai sebuah badan berwibawa antarabangsa yang mengawal selia amalan kejuruteraan, tetapi juga mematuhi etika profesional dan amalan terbaik antarabangsa, dalam memastikan keselamatan awam serta menegakkan integriti tertinggi di kalangan profesional.

12. Selaras dengan Pelan Strategik 2020-2024, LJM buat pertama kalinya memperkenalkan tagline rasmi mereka. Saya dengan bangganya mengumumkan bahawa Tagline LJM adalah ***Committed to Engineering Excellence***. Tagline ini amat sesuai dan membuktikan komitmen tinggi LJM dan orang berdaftar bagi memastikan kecemerlangan profesion kejuruteraan dalam memajukan negara.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Pada nota penamat ini, saya amat berharap anda semua dapat mengambil peluang dalam majlis ini dengan bertukar-tukar idea dan pandangan yang bermanfaat dan mendapat maklumat terkini daripada wakil Lembaga Jurutera Malaysia yang hadir dan para penceramah pada hari ini.

Sekian, terima kasih.